



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN KSSR PENDIDIKAN KHAS  
(PENDIDIKAN JASMANI) BERMASALAH  
PEMBELAJARAN**

**RUSTAM BIN SIIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan guru terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran daripada empat aspek utama iaitu kurikulum, kemahiran dan pengendalian, pentaksiran dan pelaksanaan. Seramai 122 orang guru Program Pendidikan Khas Integrasi di Daerah Larut Matang dan Selama dipilih secara pensampelan rawak. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan kurikulum guru adalah tinggi (min 4.13, sisihan piawai 0.41). Tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian adalah tinggi (min 3.94, sisihan piawai 0.38), dan tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran adalah tinggi (min 3.94, sisihan piawai 0.41), manakala tahap pelaksanaan aktiviti jasmani suaian terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran juga tinggi (min adalah 4.21, sisihan piawai 0.37). Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $p=0.841$ ;  $p>0.05$ ) pada nilai  $F=0.173$  bagi perbezaan antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan pelaksanaan aktiviti jasmani suaian. Manakala bagi perbezaan antara latihan pendidikan khas guru dengan aktiviti jasmani suaian tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $p=0.531$ ;  $p>0.05$ ) pada nilai  $F=0.886$ . Kajian juga mendapati wujud hubungan tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti jasmani suaian ( $r=0.456$ ), terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani dengan pelaksanaan aktiviti jasmani suaian ( $r=0.532$ ), dan tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani dengan pelaksanaan aktiviti jasmani suaian ( $r=0.606$ ). Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru memberi kesan secara langsung dalam aspek kurikulum, kemahiran, pentaksiran dan pelaksanaan aktiviti jasmani suaian dalam kalangan murid Bermasalah Pembelajaran. Implikasi kajian adalah guru pendidikan khas mempunyai keupayaan untuk melaksanakan subjek pendidikan jasmani dengan berkesan.



## THE IMPLEMENTATION OF KSSR SPECIAL EDUCATION (PHYSICAL EDUCATION) FOR LEARNING DIFFICULTIES

### ABSTRACT

This study was conducted to evaluate the level of teacher knowledge on the Special Education Primary School Standard Curriculum (KSSRPK) Learning Difficulties in Physical Education from four main aspects in curriculum, skills and management, assessment and implementation. A total of 122 Integrated Special Education Program teachers in Larut Matang and Selama areas were randomly selected. The data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The results showed that the level of teacher curriculum knowledge was high (mean 4.13, standard deviation 0.41). The level of teacher's knowledge of the skills and handling capability was high (mean 3.94, standard deviation 0.38), and the level of teacher's knowledge of the assessment was high (mean 3.94, standard deviation 0.41), while the level of physical activity performed on KSSRPK Physical Education of Learning Difficulties was high (min is 4.21, standard deviation 0.37). The findings showed that there was no significant difference in mean score ( $p=0.841$ ;  $p> 0.05$ ) at  $F=0.173$  for the difference between teacher teaching experience and physical activity. While for the difference between the special education of teachers and physical activity there was no significant mean difference ( $p=0.531$ ;  $p> 0.05$ ) at  $F=0.886$ . The study also found that there was a correlation between the knowledge level of the teacher towards the curriculum of KSSRPK Physical Education of Learning Difficulties with the implementation of physical activity ( $r=0.456$ ), on the skill and ability of handling the Physical Education KSSRPK with the implementation of physical activity ( $r=0.532$ ) assessment of KSSRPK Physical Education with the implementation of physical activity ( $r=0.606$ ). The conclusion of this study shows that the level of teacher knowledge has a direct impact on curriculum, skills, assessment and implementation of physical activity among Pupils of Learning Difficulties. The implication of the study is that special education teachers have the ability to effectively implement the subject of physical education.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx

### **BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Tujuan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	14
1.6	Soalan Kajian	15
1.7	Hipotesis Kajian	16



1.8	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.9	Model Penilaian CIPP	19
1.10	Kepentingan Kajian	23
1.11	Batasan Kajian	26
1.12	Definisi Operational	27
1.12.1	Guru Pendidikan Khas	27
1.12.2	Program Pendidikan Khas Integrasi	28
1.12.3	Bermasalah Pembelajaran	29
1.12.4	Aktiviti Jasmani Suaian	30
1.12.5	Pengalaman Mengajar	31
1.13	Rumusan	32

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	33
2.2	Pendekatan Teori Dan Model	35
2.2.1	Model Kecekapan Iceberg	35
2.2.2	Model Konseptual Kurikulum	37
2.2.3	Penguasaan Model Kecekapan Iceberg Dalam Kajian	40
2.3	Kajian Berkaitan Pengetahuan Guru	40
2.4	Kajian Berkaitan Pengetahuan Kurikulum Guru	44
2.5	Kajian Berkaitan Pengetahuan Kemahiran Dan Keupayaan	47
2.6	Kajian Berkaitan Pentaksiran Guru	50

2.6.1	Peperiksaan Tidak Adil Kepada Semua Pelajar	52
2.6.2	Peperiksaan Menyekat Perkembangan Pelajar dalam Jasmani, Emosi, Rohani, Inteltek (JERI)	53
2.6.3	Peperiksaan Menyekat Kreativiti Pelajar	53
2.6.4	Pengiktirafan Yang Keterlaluan dalam Akademik	54
2.7	Kajian Berkaitan Aktiviti Jasmani Suaian	55
2.8	Kajian Berkaitan Pengalaman Mengajar Guru	56
2.9	Kajian Berkaitan Latihan Guru	57
2.10	Rumusan	58

### **BAB 3 MATEDOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Tempat Kajian	61
3.4	Populasi dan Pensampelan	61
3.5	Ralat Pensampelan	64
3.6	Instrumen Kajian	66
3.7	Kajian Rintis	69
3.7.1	Kesahan	70
3.7.1.1	Kesahan Kandungan	70
3.7.2	Kebolehpercayaan	73

3.7.2.1	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpa	73
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	77
3.9	Prosedur Analisis Data	78
3.9.1	Statistik Deskriptif	85
3.9.2	Statistik Inferensi	85
3.9.3	Ujian Anova	81
3.10	Rumusan	82
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	83
4.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	84
4.3	Profil Responden	86
4.3.1	Jantina	87
4.3.2	Pengalaman Mengajar Pendidikan Khas	88
4.3.3	Latihan / Kursus Pendidikan Khas	88
4.3.4	Pengalaman dan Tempoh Mengajar Pendidikan Jasmani	89
4.4	Analisa Deskriptif	90
4.4.1	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	90
4.4.2	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kemahiran dan Keupayaan Pengendalian KSSRPK Pendidikan	

	Jasmani Bermasalah Pembelajaran	93
4.4.3	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	96
4.4.4	Tahap Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	99
4.5	Pengujian Hipotesis	102
4.5.1	Perbezaan Antara Tempoh Pengalaman Mengajar Guru dengan Aktiviti Jasmani Suaian	103
4.5.2	Perbezaan Antara Latihan Pendidikan Khas Guru Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	104
4.5.3	Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	106
4.5.4	Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kemahiran dan Keupayaan Pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	107
4.5.5	Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	108
4.6	Rumusan Dapatan Kajian	110
4.6.1	Soalan Kajian	110
4.6.2	Hipotesis Kajian	111



4.7	Kesimpulan	112
-----	------------	-----

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	113
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	114
-----	-----------------------------	-----

5.2.1	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	114
-------	---	-----

5.2.2	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kemahiran dan Pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	116
-------	--	-----

5.2.3	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	118
-------	---	-----

5.2.4	Tahap Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	121
-------	--	-----

5.2.5	Perbezaan Antara Tempoh Pengalaman Mengajar Guru Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	122
-------	---	-----

5.2.6	Perbezaan Antara Latihan Pendidikan Khas Guru Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	123
-------	--	-----

5.2.7	Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran Dengan Pelaksanaan Aktiviti Suaian	125
-------	--	-----

5.2.8	Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kemahiran dan Keupayaan Pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran Dengan Pelaksanaan	
-------	---	--

Aktiviti Suaian 128

5.2.9 Hubungan Antara Tahap Pengetahuan  
Guru Terhadap Pentaksiran KSSRPK  
Pendidikan Jasmani Bermasalah  
Pembelajaran Dengan Pelaksanaan  
Aktiviti Suaian 130

5.3 Implikasi Kajian 132

5.4 Sumbangan Kajian 134

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 137

5.6 Kesimpulan 138

**RUJUKAN** 140

## SENARAI JADUAL

No.Jadual		Muka Surat
1.1	Data Pemantauan Pelaksanaan Pendidikan Jasmani PPKI (Rendah) Negeri Perak 2014	8
3.1	Senarai Sekolah dan Bilangan sampel	63
3.2	Penentuan Saiz Sampel	65
3.3	Saiz Sampel Para aras Kesignifikanan $p > .05$	66
3.4	Pembahagian Instrumen Kajian	68
3.5	Skala Likert	69
3.6	Formula Kesahan Pakar	72
3.7	Kesahan Instrumen Pakar (N=5)	72
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum Pengetahuan Kurikulum	74
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Tahap Pengetahuan Guru terhadap Pengetahuan Kemahiran dan Pengendalian (N=30)	75
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pengetahuan Pentaksiran (N=30)	75
3.11	Kebolehpercayaan Instrumen Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian (N=30)	75
3.12	Kebolehpercayaan Instrumen Pelaksanaan KSSR Pendidikan Jasmani Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (N=30)	76

3.13	Interpretasi Skor Min	79
3.14	Interpretasi Mengikut Saiz Pekali Korelasi (r)	80
4.1	Koefisien Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Melalui Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	85
4.2	Analisa Kebolehpercayaan Konstruk Yang Dikaji	86
4.3	Bilangan Responden Mengikuti Kursus / Latihan Pendidikan Khas Yang Dihadiri	89
4.4	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	93
4.5	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kemahiran dan Keupayaan Pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	96
4.6	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran KSSRPK Pendidikan Bermasalah Pembelajaran	99
4.7	Tahap Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	102
4.8	ANOVA Sehalu Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Pendidikan Khas Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	103
4.9	ANOVA Sehalu Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Pendidikan Jasmani Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	104
4.10	ANOVA Sehalu Berdasarkan Latihan Pendidikan Khas Yang Dihadiri Oleh Guru Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	105

4.11	Korelasi Pearson Antara Tahap Pengetahuan Kurikulum Guru Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	106
4.12	Korelasi Pearson Antara Tahap Pengetahuan Kemahiran dan Pengendalian Guru Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	108
4.13	Korelasi Pearson Antara Tahap Pengetahuan Pentaksiran Guru Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Dengan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian	109
5.1	Indek Kebolehpercayaan Konstruk	136

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual kajian	18
2.1	Model Kecekapan Iceberg	36
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	87
4.2	Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar Pendidikan Khas	88
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman dan Tempoh Mengajar Pendidikan Khas	89
4.4	Ringkasan Skor Min 15 Pertanyaan Tahap Pengetahuan Kurikulum Guru terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	91
4.5	Taburan Skor Min Tahap Pengetahuan Kurikulum Guru Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	92
4.6	Ringkasan Skor Min 12 Pertanyaan Tahap Pengetahuan Kemahiran dan Keupayaan Pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	94
4.7	Taburan Skor Min Tahap Pengetahuan Kemahiran dan Keupayaan Pengendalian Guru Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	95
4.8	Ringkasan Skor Min 17 Pertanyaan Tahap Pengetahuan Pentaksiran Guru Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	97

4.9	Taburan Skor Min Tahap Pengetahuan Pentaksiran Guru terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	98
4.10	Ringkasan Skor Min 16 Pertanyaan Tahap Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian Terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran	100
4.11	Taburan Skor Min Tahap Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian Terhadap KSSRPK Pendidikan Khas Jasmani Bermasalah Pembelajaran	101
5.1	Kerangka Konseptual Kajian	135

## SENARAI SINGKATAN

ADHD	Attention Deficit Hyperactivity Disorder
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
RPI	Rancangan Pendidikan Individu
SISC+	School Improvement Specialist Coaches
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization



## SENARAI LAMPIRAN

- A Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum KSSR Pendidikan Khas (Pendidikan Jasmani) Bermasalah Pembelajaran
- B Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kemahiran dan Keupayaan Pengendalian KSSR Pendidikan Khas (Pendidikan Jasmani) Bermasalah Pembelajaran
- C Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pentaksiran KSSR Pendidikan Khas (Pendidikan Jasmani) Bermasalah Pembelajaran
- D Tahap Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian Terhadap KSSR Pendidikan Khas (Pendidikan Jasmani) Bermasalah Pembelajaran
- E Borang Soal Selidik

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Program Pendidikan khas adalah pendidikan yang disediakan untuk murid berkeperluan khas. Antara kategori murid berkeperluan khas terdiri daripada murid yang mempunyai masalah penglihatan, masalah pendengaran, kesukaran bertutur, kurang upaya fizikal, kurang upaya pelbagai, dan masalah pembelajaran seperti autisme, sindrom down, ADHD (Attention Deficit Hyperactivity Disorder), dan disleksia.

Dengan perubahan demi perubahan dalam sistem pendidikan di negara dewasa ini, tanggungjawab dan bidang tugas guru-guru pendidikan khas semakin bertambah. Tanggungjawab melaksanakan tugas sebagai guru pendidikan khas untuk memperkembangkan potensi murid pendidikan khas adalah merupakan satu tugas dan

tanggungjawab yang amat berat. Smith & Luckasson (2010), menyatakan bahawa usaha memperkembangkan potensi murid berkeperluan khas, sebenarnya merupakan tugas yang berat dan mencabar.

Pendidikan kepada murid berkeperluan khas sama seperti kanak-kanak di aliran perdana yang lain, mereka juga memerlukan perancangan dan pelaksanaan program yang berkesan dan bersesuaian dengan keperluan individu bagi meningkatkan pengalaman belajar mereka (Ysseldyke & Algozine, 2009). Melalui pendidikan sajalah cara yang paling berkesan untuk manusia menaikkan taraf hidup dalam mobiliti sosial mereka masa kini. Pendidikan bukan saja menjamin kualiti hidup seseorang manusia tetapi juga boleh menjamin kehidupan yang lebih bahagia. Murid-murid berkeperluan khas juga mempunyai minat, hasrat dan cita-cita yang setanding dengan pelajar di aliran perdana.

Di dalam “Deklarasi Dunia Mengenai Pendidikan Untuk Semua” di Jomtien, Thailand, UNESCO (1990) menyatakan tentang pembentukan kurikulum berpusatkan keperluan pelajar. Seiring dengan deklarasi dunia, Akta Pendidikan 1996 ( Akta 550 ), Bab 8- Pendidikan Khas, Seksyen 41 ( c ) , boleh diguna sebagai panduan untuk guru-guru pendidikan khas mengubahsuai kurikulum mengikut ketidakupayaan dan kemampuan pelajarnya (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2008).

Persidangan mengenai pendidikan khas yang bertajuk “Akses dan Kualiti” yang telah diadakan pada 1994, telah menghasilkan ‘Pernyataan Salamanca’ iaitu memastikan negara-negara di dunia ini memasukkan pendidikan khas untuk orang

kurang upaya dalam sistem pendidikan di negara masing-masing (Jabatan Pendidikan Khas, 1997).

Oleh itu pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar seharusnya diperluaskan khususnya untuk murid-murid berkeperluan khas. Murid-murid berkeperluan khas memerlukan pendidikan berpusatkan murid, penyediaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) perlulah dilakukan. Pernyataan dalam Akta Pendidikan 1996 ( Akta 550 ), Bab 8- Pendidikan Khas, Seksyen 41 ( b ), boleh diguna sebagai panduan untuk guru-guru menyediakan RPI. Murid-murid khas ini juga memerlukan satu program yang sistematik dan memberi penekanan kepada kebolehan, kefungsi, kemahiran, perkembangan dan penguasaan serta pencapaian murid-murid tersebut ke tahap yang maksimum.

Murid-murid khas ini, walaupun dengan keadaan fizikal dan mental yang kurang, tidak bermakna bahawa mereka tidak boleh menjadi penyumbang kepada masyarakat dan negara. Mereka tidak wajar dipinggirkan malah perlu diberikan kemudahan pendidikan yang mencukupi. Greenspan dan Serena (2010), menekankan bahawa setiap kanak-kanak memiliki profil yang unik dan spesifik.

Murid khas juga diharapkan dapat menggunakan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan menepati tatasusila masyarakat majmuk, mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi yang beragama Islam, mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian, melibatkan diri dalam aktiviti riadah, menghargai keindahan alam dan warisan budaya

dan akhir sekali menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi seiring dengan perkembangan semasa.

Kini timbul persoalan setakat mana pendidikan dan perkhidmatan khas yang disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas menjamin mereka boleh meningkat dalam kehidupan, berdikari dan menjadi manusia yang produktif. Oleh itu satu sistem pendidikan khas yang berkualiti dan berkesan perlu wujud sebagai mencerminkan pengiktirafan masyarakat terhadap individu khas sebagai manusia yang sempurna.

Untuk itu, kurikulum sekolah di Malaysia dirangka bertujuan memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berteraskan pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), unsur intelek menumpu kepada daya berfikir, unsur rohani kepada ketuhanan, unsur emosi menumpu kepada perasaan jiwa yang kuat manakala unsur jasmani memberi tumpuan kepada perkembangan tubuh badan yang sihat. Pendidikan Jasmani merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam sistem pendidikan Malaysia. Mata pelajaran ini merupakan salah satu mata pelajaran wajib di dalam sistem pendidikan Malaysia. Pendidikan Jasmani merupakan satu proses pengajaran yang bertujuan meningkatkan prestasi manusia melalui aktiviti fizikal terpilih. Mata pelajaran ini berkait rapat dengan pemilikan dan penghalusan kemahiran-kemahiran motor, pembangunan dan pemeliharaan kecergasan untuk kesihatan optimum dan memperoleh pengetahuan dan pembangunan sikap-sikap positif terhadap aktiviti fizikal (Wee Eng Ho, 2012). Manakala Butcher (2011), menyatakan bahawa Pendidikan Jasmani bukanlah satu mata pelajaran yang sekadar memenuhi naluri



bermain murid. Ianya merupakan satu wadah pendidikan yang menyeluruh serta mempunyai matlamat memperbaiki tingkah laku manusia melalui aktiviti fizikal yang menyeronokkan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Jasmani merupakan satu subjek penting dalam kurikulum pendidikan formal dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran lebih berfokus kepada penguasaan kemahiran bagi memenuhi keperluan individu, tidak menekankan akademik dan tidak membebankan murid (Bahagian Perkembangan Kurikulum, 2010).

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dibina dengan hasrat pembelajaran yang diperoleh dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam hidup.



Kurikulum ini digubal dengan matlamat untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu serta bersesuaian dengan tahap kefungsian mereka. perkembangan ini juga meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

Kurikulum ini juga bertujuan membimbing murid agar berupaya untuk mengamalkan tingkah laku dan sikap positif dalam menguruskan kehidupan seharian yang lebih bermakna serta menjadi warganegara yang berguna. Murid diharap dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran serta dapat berdikari dalam kehidupan seharian. Dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran diharapkan murid memperoleh kemahiran dan berketerampilan ke arah kehidupan berkerjaya, mengamalkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri dengan sempurna.

Dalam konteks hubungan antara Pendidikan Jasmani dengan pendidikan formal, Pendidikan Jasmani merupakan penyumbang besar kepada proses asimilasi individu ke dalam masyarakat (De Vries, 2010). Pendidikan formal ialah proses di mana masyarakat melalui sekolah, universiti dan lain-lain institusi pengajian akan menurunkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terkumpul daripada satu generasi ke satu generasi. Sebagai salah satu dari institusi pengajian formal, mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang diajar di sekolah turut dirangkumkan ke dalam kurikulum persekolahan seperti di dalam Dokumen Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran :



*Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran terdiri daripada kemahiran asas pergerakan, asas permainan, asas olahraga, asas akuatik, kecergasan, rekreasi dan kesengangan. Kemahiran ini dibina berdasarkan aplikasi disiplin ilmu dalam Sains Sukan seperti perkembangan motor, pembelajaran motor, anatomi, fisiologi, biomekanik, kecergasan, sosiologi dan psikologi.*

*(Dokumen Standard KSSRPK (PJ), m.s.2, 2010)*

Pendidikan Jasmani yang dijalankan di sekolah secara sinonimnya dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pergerakan fizikal manusia yang bertujuan untuk memberi kecergasan, kekuatan, kesihatan yang baik melalui pergerakan badan yang terancang dan bersistematik sama ada secara individu atau berkumpulan. Bagi murid-murid berkeperluan khas, banyak halangan yang dihadapi oleh murid-murid ini untuk melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah, kerana murid-murid berkeperluan khas mengalami masalah fizikal yang melibatkan otot, saraf dan pembentukan postur yang kurang sempurna (Safani & Hamdan, 2011).

Murid-murid berkeperluan khas yang mengalami masalah otot yang kurang sempurna dan tidak dapat melakukan pergerakan seperti murid lain, tidak kurang pula yang mengalami masalah pendengaran dan penglihatan, akibatnya pergerakan mereka agak terbatas dan tidak dapat bergerak sebeb dan sepantas murid tipikal. Untuk itu, dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, guru boleh mempelbagaikan pendekatan bagi mencapai objektif pengajaran, guru boleh mengubahsuai atau membina modul yang bersesuaian mengikut keperluan murid. Untuk itu aktiviti Jasmani Suaian yang bersesuaian harus disediakan untuk melatih dan membiasakan keupayaan murid-murid ke tahap yang paling optimum bagi menyediakan mereka untuk menghadapi kehidupan sebenar di luar persekolahan.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan sebahagian daripada kemahiran yang penting dalam pergerakan motor kanak-kanak (Arthur & Evelyn, 2012). Oleh itu, dalam membuat perancangan pengajaran dan pemudah cara (PdPc), penekanan kepada aktiviti Jasmani Suaian seperti motor halus dan motor kasar perlu diberi tumpuan. Walau pun mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan negara, pelaksanaannya di peringkat operasional masih lemah (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2010). Mata pelajaran ini dianggap satu mata pelajaran untuk melengkapkan jadual waktu sahaja. Keadaan ini dapat digambarkan seperti jadual 1.1.

Jadual 1.1

*Data Pemantauan Pelaksanaan Pendidikan Jasmani PPKI ( Rendah) Negeri Perak 2014*

Daerah	Jumlah Pemantauan	Laksana PJ	Tidak Laksana PJ
Batang Padang	8	5	3
Manjung	9	7	2
Kinta Utara	13	9	4
Kinta Selatan	7	5	2
Kuala Kangsar	11	8	3
Kerian	8	5	3
Hilir Perak	9	7	2
LMS	15	10	5
Perak Tengah	9	7	2
Hulu Perak	7	5	2
Jumlah	96	68	28

- Berdasarkan data pemantauan JPN ( tidak termasuk pemantauan PPD. Sumber Jabatan Pendidikan Negeri Perak (2014)

Pemantauan yang dijalankan ke atas 96 Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran oleh Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Perak pada tahun 2014, terdapat 28 buah Program Pendidikan Khas Integrasi seluruh Negeri Perak, bersama 29.2 % tidak melaksanakan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani kepada murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran, manakala 68 buah Program Pendidikan Khas Integrasi mewakili 70.8 % melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Namun begitu, daripada 68 buah Program Pendidikan Khas Integrasi yang melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Jasmani, namun demikian sejauh manakah program-program tersebut melaksanakan aktiviti Jasmani Suaian mengikut keperluan murid-murid yang mempunyai tahap kefungsi berbeza yang memerlukan pendekatan yang amat berbeza untuk menanganinya. Dalam pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani tersebut, adakah wujud pengubahsuaian terhadap aktiviti Pendidikan Jasmani untuk murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran, yang berbeza ke fungsi atau mereka terus terpinggir daripada mengikuti Pendidikan Jasmani yang perlu pengubahsuaian mengikut tahap kefungsi mereka. Untuk mengurangkan kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh murid-murid bermasalah pembelajaran dalam mengikuti Pendidikan Jasmani, aktiviti Jasmani Suaian yang disesuaikan dengan keupayaan murid amatlah penting (Auxter, Pyfer, & Huettig, 2011).

Ironinya, berdasarkan dapatan pemantauan oleh Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Perak, masih terdapat program-program pendidikan khas yang tidak melaksanakan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Ini kebarangkalian menunjukkan bahawa aktiviti Jasmani Suaian yang berkesan dan

berkualiti untuk murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran tidak dilaksanakan.

Pada tahun 2010, Tranformasi Kurikulum telah berlaku di mana Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmanibagi Bermasalah Pembelajaran telah diperkenalkan. Berdasarkan KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran, murid-murid didedahkan kepada perkembangan kefungsiian tahap penguasaan kemahiran bagi memenuhi keperluan individu. Mata pelajaran ini amat penting dan perlu dikuasai oleh setiap murid bagi meningkatkan kemahiran psikomotor dalam usaha membantu meningkatkan perkembangan mental dan fizikal mereka. Melalui kemahiran yang dikuasai, murid-murid akan lebih bersedia untuk belajar dan seterusnya dapat membantu mereka menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) dengan lebih mudah.

Menurut Ab.Halim, Muhamad Faiz, dan Kamarul Azmi (2012), penyediaan dan latihan guru perlu difokuskan kepada usaha melatih guru agar mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Penekanan kepada pembangunan insan guru berteraskan konsep *Muddaris, Muaddip, Murabbi, Mursyid dan Muallim* dapat melahirkan guru yang cemerlang. Guru yang berupaya menggunakan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian merupakan guru yang kreatif dan inovatif dan dapat memberi kesan positif terhadap prestasi murid.

Namun, semenjak KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran yang diperkenalkan bermula dengan Tahun 1 pada tahun 2010, dan sehingga kini tahun 2016, telah melengkapiTahun 1 sehingga Tahun 6KSSRPK

Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dilaksanakan di sekolah, hiraknya amat kurang kajian yang dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran. Apabila guru tidak dapat menguasai pengetahuan terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran, dikhuatiri penyerapan aktiviti Jasmani Suaian dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak dilakukan. Menurut Maxwell (2010), kefahaman murid dapat ditingkatkan apabila guru dapat menguasai sesuatu pengetahuan kurikulum itu dengan baik. Namun begitu guru selalu menghadapi rintangan dan cabaran terutama dari segi pengetahuan tentang kemahiran pedagogi apabila sesuatu kurikulum diperkenalkan. Manakala Yahaya dan Lailinanita (2011), menyatakan bahawa orang yang sangat berpengaruh terhadap sesebuah inovasi pendidikan adalah guru, untuk itu guru perlu menguasai setiap pengetahuan dan kemahiran pedagogi sekiranya mahu memastikan sesebuah inovasi pendidikan tersebut mencapai matlamatnya.

Abdul Rahim Hamdan, Ahmad Johari Sihes, Jamaluddin Ramli dan Musa Ismail (2013), menyatakan dalam pelaksanaan kurikulum di Malaysia, aspek pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi adalah aspek yang terpenting. Manakala pengetahuan guru berkenaan pelaksanaan kurikulum adalah faktor yang paling dominan dalam pelaksanaannya. Abdul Rahim, Ahmad Johari, Jamaluddin, dan Musa, (2013) dan juga Azlina dan Mazlifah, (2013) sependapat bahawa keberkesanan pelaksanaan kurikulum juga akan terjejas sekiranya tahap pengetahuan guru tidak cukup tinggi.

Baharin dan Lim (2010), juga mengatakan bahawa pengetahuan guru dari aspek pedagogi dan aspek am akan memberi pengaruh yang yang besar terhadap pelaksanaan sesuatu kurikulum serta ke atas keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Untuk itu, kajian ini adalah satu platform untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum ini.

Ini bertepatan dengan dapatan Buell, Hallam, Gamel dan Scheer (2012), yang menyatakan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, guru-guru menganggap diri mereka kurang pengetahuan terhadap sesuatu transformasi atau sesuatu pembaharuan, dan perkara ini membuatkan guru-guru merasa kurang bersedia dan akan berdepan dengan masalah dalam pengajarannya.

tentang apa yang dipelajari. Maklumat yang diperoleh akan membantu guru untuk menambah baik kaedah pengajaran dan hasil pentaksiran juga dapat memberi maklum balas awal kepada guru untuk merancang tindakan susulan dan penyediaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi meningkatkan lagi penguasaan dan pemahaman murid.

Dengan melihat kepada betapa pentingnya pentaksiran dalam merealisasikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran di sekolah, satu kajian perlu dilakukan. Ini kerana, sekiranya pentaksiran tidak dilakukan seperti yang sepatutnya, guru tidak dapat merancang tindak susul dan merancang kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan murid yang mempunyai kefungsi yang berbeza. Hal ini akan menyukarkan lagi



guru untuk menerapkan aktiviti Jasmani Suaian dalam pengajaran Pendidikan Jasmani mereka. Ini bertepatan dengan Gearheart dan Gearheart (2007), yang mendefinisikan pentaksiran sebagai satu proses yang melibatkan takrifan sistematik pelbagai maklumat yang dapat dijadikan asas keputusan pengajaran dan apabila sesuai, klasifikasi atau penempatan keputusan. Penilaian adalah berasaskan kepada proses penyelesaian masalah.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Khas Integrasi terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK)

Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian dalam kalangan murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaannya.

Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran, mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran, mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran. Hal ini untuk memastikan semua pihak bertanggungjawab terhadap Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran mendapat maklumat



berkaitan kajian yang dijalankan ini untuk panduan dan penambahbaikan pada masa akan datang.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dan Pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian untuk meningkatkan kesediaan belajar di kalangan murid-murid pendidikan khas integrasi bermasalah pembelajaran yang dilaksanakan di Program Pendidikan Khas Integrasi, Daerah Larut Matang dan Selama, Perak.

Objektif kajian ini adalah untuk,

- 1.5.1 Mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran .
- 1.5.2 Mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.
- 1.5.3 Mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.
- 1.5.4 Mengetahui tahap pelaksanaan Aktiviti Jasmani Suaian terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.
- 1.5.5 Mengenal pasti perbezaan antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.

- 1.5.6 Mengenal pasti perbezaan antara latihan pendidikan guru dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.
- 1.5.7 Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.
- 1.5.8 Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.
- 1.5.9 Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran KSSRPK Pendidikan Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.

## 1.6 Soalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi jawapan kepada persoalan berikut,

- 1.6.1 Apakah tahap pengetahuan guru Pendidikan Khas terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran ?
- 1.6.2 Apakah tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran ?
- 1.6.3 Apakah tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran ?
- 1.6.4 Apakah tahap pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran ?



- 1.6.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian ?
- 1.6.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara latihan pendidikan khas guru dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian ?
- 1.6.7 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian ?
- 1.6.8 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian ?
- 1.6.9 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian ?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Sebelum membuat hipotesis kajian, pengkaji dikehendaki membina kemungkinan-kemungkinan hipotesis yang boleh menjawab isu-isu berkaitan dan seterusnya dapat mencapai objektif kajian (Ali Yusob Md Zain, 2012). Menurut Najib (2011), hipotesis berdasarkan pengetahuan yang sedia ada, mempunyai kaitan dengan pernyataan masalah dan objektif kajian serta menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah. Hipotesis-hipotesis nul yang dibina adalah berdasarkan persoalan kajian 1.6.5, 1.6.6, 1.6.7, 1.6.8 dan 1.6.9 adalah,

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.


Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara latihan guru dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.

Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran dan keupayaan pengendalian KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.

Ho5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.

## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Diubahsuai Daripada Model Penilaian CIPP, Stufflebeam, 1971

## 1.9 Model Penilaian CIPP

Penilaian bermaksud satu kajian yang telah dibentuk dan dijalankan untuk membantu pemerhati bagi menilai harga dan merit sesuatu objek. Menurut Stufflebeam (2000b), penilaian boleh dijalankan ke atas sebarang aktiviti yang mempunyai matlamat seperti penilaian ke atas kurikulum sekolah dan program yang sedang dijalankan.

Model penilaian program adalah berfokus kepada sekolah atau pun sesuatu program (Webster, 2008). Terdapat pelbagai jenis model penilaian yang boleh digunakan untuk menilai sesuatu program atau pun kurikulum antaranya adalah model konteks (*context*), sumber (*input*), proses (*process*), dan hasil (*product*) yang dikenali sebagai Model Penilaian Stufflebeam. Stufflebeam merupakan pengerusi *The Phi*

*Kappa Delta National Study Committee on Evaluation* yang membentuk model konteks, sumber, proses dan hasil (Stufflebeam, 2008). Model penilaian konteks, sumber, proses dan hasil adalah satu kerangka yang komprehensif bagi melaksanakan dan melaporkan penilaian sesuatu program yang sedang dijalankan.

Menurut Stufflebeam (2000a), konsep utama model ini adalah penilaian tentang konteks, sumber, proses dan hasil. Penilaian konteks menilai keperluan, masalah dan peluang-peluang sebagai asas untuk mentakrifkan matlamat dan keutamaan serta kesignifikan hasil sesuatu program. Penilaian sumber menilai pelbagai pendekatan perancangan program dan sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan program. Penilaian proses menilai pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu mencapai hasil program. Penilaian hasil pula adalah untuk mengenal pasti hasil yang telah dicapai dan tidak dicapai bagi membantu mengesan

keberkesanan program. Penilaian hasil boleh juga dilaksanakan sama ada pada akhir program atau pun ketika program itu sedang dijalankan.

Model ini juga lebih menekankan kepada mengumpul maklumat dengan tujuan untuk memudahkan membuat sebarang keputusan. Maklumat yang diperoleh daripada penilaian juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk memantapkan lagi sesuatu program sama ada di peringkat perancangan, penyusunan, pelaksanaan dan penghasilan. Keempat-empat dimensi penilaian ini penting penggunaannya bagi kebanyakan program pendidikan di sekolah. Maklumat yang diperoleh melalui model penilaian Stufflebeam ini boleh dijadikan sebagai landasan untuk membuat untuk membuat keputusan yang terbaik dan boleh dipercayai dalam proses pelaksanaan kurikulum (Sowell, 2011).

Kajian Pelaksanaan KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran didasari oleh Model Penilaian CIPP Stufflebeam( 1971) yang diubahsuai dari empat dimensi utama iaitu konteks, sumber, proses dan hasil.

#### **a) Dimensi Konteks( *Context* )**

Dimensi ini merujuk kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran. Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran ini dibina dengan hasrat agar pembelajaran yang diperoleh dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga



menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam hidup.

Kurikulum ini juga digubal dengan matlamat untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu serta bersesuaian dengan tahap kefungsian mereka. Perkembangan ini juga meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi insan seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

#### **b) Dimensi Sumber ( *Input* )**

Dimensi sumber dalam kajian ini meliputi aspek latar belakang pengalaman mengajar guru kepada murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran dan kursus berkaitan dengan pendidikan khas yang diterima oleh guru.

Dimensi sumber dalam kajian ini juga berdasarkan Model Iceberg, meliputi:-

##### **i) Pengetahuan**

- Pengetahuan guru terhadap kurikulum KSSR Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.
- pengetahuan guru tentang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.



- pengetahuan tentang pentaksiran KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.
- pengetahuan berkaitan ciri-ciri dan kategori murid-murid Bermasalah Pembelajaran.

## ii) **Kemahiran**

- kemahiran guru untuk menjalankan Aktiviti Jasmani Suaian.
- Kemahiran guru untuk menjalankan pentaksiran Aktiviti Jasmani Suaian

- sikapguru untuk melaksanakan aktiviti Jasmani Suaian

## iv) **Keyakinan**

- keyakinan yang ada pada guru untuk melaksanakan aktiviti Jasmani Suaian.

### c) **Dimensi Proses( *Process/Output* )**

Berdasarkan rajah, dimensi ini adalah berkaitan dengan pelaksanaan Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran meliputi kurikulum, kemahiran dan keupayaan pengendalian ataupun proses pengajaran dan pemudah cara, pentaksiran dan pelaksanaan aktiviti Jasmani SuaianterhadapKSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.

### d) **Dimensi Hasil ( *Outcome* )**

Dimensi ini adalah kesan dari pengetahuan, kemahiran serta sikap dan keyakinan guru dapat menunjukkan kecerdasan fizikal murid-murid yang mengikuti KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran pada keseluruhan berkembang.

Berdasarkan kepada huraian, menunjukkan bahawa dalam melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah rendah, kurikulum tersebut perlu melalui proses konteks, sumber dan proses.

## 1.10 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat memberi maklumat terkini serta petunjuk kepada :-





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya kepada Bahagian Pendidikan Khas untuk mengumpul maklumat berkaitan tahap pengetahuan guru terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian, dan membuat penambahbaikan yang bersesuaian dan relevan serta memberi penekanan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian untuk murid bermasalah pembelajaran.

Jabatan Pendidikan Negeri, untuk memberi penekanan ke atas pengetahuan guru terhadap KSSRPK Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dengan memberi gambaran yang jelas dan maklumat yang berfaedah mengenai kepentingan melaksanakan aktiviti Jasmani Suaian dalam pengajaran, merangka program latihan dan kursus dalam yang lebih fokus dan menjurus terhadap pengajaran dan pembelajaran dengan menekankan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian.

Institut Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), untuk merancang dan mewajibkan kursus-kursus yang bersesuaian dengan peningkatan pengetahuan serta pemahaman konsep dan pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian kepada bakal guru sebelum mereka bertugas sebagai guru di sekolah kelak.

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk lebih kerap melakukan pencerapan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran khususnya Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran, untuk memastikan guru-guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani mengikut kurikulum yang telah disediakan serta memastikan berlakunya aktiviti Jasmani Suaian kepada murid-murid Bermasalah





Pembelajaran, menjalankan kursus-kursus dalaman untuk membantu guru-guru yang kurang mahir dalam melaksanakan aktiviti Jasmani Suaian dan dapat melahirkan sikap positif guru-guru yang mengajar pendidikan jasmani berkhidmat dengan lebih cemerlang serta menguasai pengajaran dengan baik demi kebaikan murid-murid Bermasalah Pembelajaran.

### **Sekolah :-**

- i. Pihak pentadbir untuk menyediakan prasarana dan peralatan yang bersesuaian agar guru dapat menjalankan aktiviti Jasmani Suaian bersesuaian dengan kemampuan serta ke fungsian murid-murid yang diajarnya.
- ii. Guru untuk mendapat kesedaran dan keyakinan mengenai betapa pentingnya menguasai pengetahuan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dan melaksanakan aktiviti Jasmani Suaian dalam pengajaran dan tidak hanya bersandarkan kepada pengajaran secara teori semata-mata.
- iii. Murid untuk dapat menjalani pembelajaran pendidikan jasmani dengan lebih bermakna melalui aktiviti Jasmani Suaian, serta berlaku perkembangan yang positif kepada kecerdasan fizikal murid-murid Bermasalah Pembelajaran yang mempunyai tahap ke fungsian dan tahap keupayaan.



Ibu bapa untuk mendapat maklumat serta penjelasan yang terbaik tentang perkembangan fizikal anak-anak mereka serta memahami konsep pelaksanaan aktiviti Jasmani Suaian yang dilakukan terhadap anak-anak mereka dan dapat membantu pihak guru dalam memberikan latihan yang berterusan dan sokongan kepada anak-anak mereka.

### 1.11 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan kekangan atau masalah serta halangan yang dihadapi oleh pengkaji semasa melakukan kajian. Menurut Mckee MG (1993) dalam Anbarasi et al. (2010), batasan kajian adalah mengenai perkara-perkara yang menghadkan kajian

 05-4506832 yang dijalankan secara ideal.

Kajian ini terbatas kepada, guru-guru pendidikan khas yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran di sekolah-sekolah rendah di sekitar Daerah Larut Matang dan Selama, Perak sahaja. Jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 122 orang guru. Data dikumpul dan dianalisis hanya untuk mendapatkan gambaran semasa di Daerah Larut Matang dan Selama sahaja. Responden yang terpilih dalam kajian ini adalah yang mempunyai pengalaman mengajar pendidikan jasmani sahaja.

Kajian ini dilakukan secara tinjauan, di mana data dikumpul melalui soal selidik sahaja. Maklumat hanyalah dari maklum balas borang soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi



Bermasalah Pembelajaran Daerah Larut, Matang dan Selama. Dapatan kajian ini adalah bergantung sepenuhnya kepada kerjasama dan keikhlasan responden dalam menjawab item-item dalam soal selidik yang diedarkan.

Kajian dijalankan terhadap guru yang mengajar murid bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran sahaja. Serta batasan-batasan yang dihadapi oleh pengkaji sepanjang kajian dijalankan.

## 1.12 Definisi Operational

Dalam konteks kajian ini, maksud istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini



adalah seperti berikut:

### 1.12.1 Guru Pendidikan Khas

Guru-guru Pendidikan Khas adalah guru yang bertugas di sekolah yang mengajar di Program Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Khas. Guru-guru adalah terlibat secara langsung dengan semua tugas yang diarahkan kepadanya dalam sebuah sekolah dan bertanggungjawab terhadap pelajar-pelajarnya (Ibrahim, 2010). Menurut Mohd Zuri dan Aznan (2011), guru pendidikan khas adalah guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar kanak-kanak berkeperluan khas seperti masalah pembelajaran, masalah penglihatan dan masalah pendengaran.



Dalam konteks kajian ini, guru-guru pendidikan khas adalah tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman mengajar pendidikan jasmani pendidikan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran.

### 1.12.2 Program Pendidikan Khas Integrasi

Jamila (2010) menjelaskan, Program Pendidikan Khas Integrasi adalah istilah terkini bagi Program Pendidikan Khas Percantuman. Program ini adalah satu program yang menempatkan murid khas di kelas khas di dalam sebuah sekolah biasa. Pentadbiran program ini adalah di bawah pentadbiran sekolah.

Program Pendidikan Khas Integrasi bererti suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan khas yang hanya dihadiri oleh murid berkeperluan khas di kelas khas di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (Warta Kerajaan Persekutuan, 2013)

Dalam konteks kajian, Program Pendidikan Khas Integrasi bagi murid-murid berkeperluan khas kategori bermasalah pembelajaran yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran di sekolah rendah harian biasa.



### 1.12.3 Bermasalah Pembelajaran

Menurut Warta Kerajaan Persekutuan (2013), “murid berkeperluan pendidikan khas” masalah pembelajaran ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak. Manakala menurut Abd Halim (2009), bermasalah pembelajaran mengikut konteks yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kanak-kanak yang dikenal pasti dan disahkan oleh pakar perubatan sebagai mengalami kurang upaya atau kekurangan yang mengganggu kelangsungan proses pembelajaran biasa. Menurut Jamila (2010) pula, kanak-kanak yang tergolong dalam kumpulan bermasalah pembelajaran ialah kanak-kanak sindrom down, autisme, terencat akal, cerebral palsy, hiperaktif ataupun gangguan penumpuan, disleksia, pelbagai ketidakupayaan dan pitar cerdas. Menurut Mohd Zuri & Aznan (2011) pula, merujuk kepada murid-murid berkeperluan khas yang “ketidakupayaan belajar” dan “kesukaran belajar” untuk menjelaskan individu yang mempunyai tahap fungsi intelek yang terhad dan sedang berkembang atau pun berkembang pada tahap yang lambat berbanding dengan murid-murid lain.

Dalam konteks kajian ini, bermasalah pembelajaran ialah murid dengan keperluan khas di Program Pendidikan Khas Integrasi bermasalah Pembelajaran yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran yang telah disahkan oleh pengamal perubatan.





#### 1.12.4 Aktiviti Jasmani Suaian

Berdasarkan Dokumen Standard KSSRPK Bermasalah pembelajaran Bahagian Perkembangan Kurikulum (2010), Pendidikan Jasmani merangkumi kemahiran asas pergerakan, asas permainan, asas olahraga, asas akuatik, kecergasan, rekreasi dan kesenggangan. Ini bertujuan untuk membimbing murid melakukan kemahiran motor asas, melakukan kemahiran khusus dengan teknik yang betul dan kecekapan menggabungkan pergerakan dalam melakukan aktiviti. Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, guru boleh mempelbagaikan pendekatan bagi mencapai kehendak Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Guru boleh mengubah suai atau membina modul yang bersesuaian mengikut keperluan.



Menurut Safani dan Hamdan (2011), aktiviti Jasmani Suaian adalah aktiviti Pendidikan Jasmani yang bersesuaian untuk melatih dan melazimkan keupayaan murid-murid berkeperluan khas ke tahap yang optimum bagi menyediakan mereka untuk menghadapi kehidupan sebenar.

Dalam konteks kajian ini, aktiviti Jasmani Suaian adalah aktiviti-aktiviti bersesuaian dengan tahap kefungsiian murid bermasalah pembelajaran yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran.



### 1.12.5 Pengalaman Mengajar

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), maksud pengalaman adalah menangkap objek, pemikiran atau emosi melalui deria atau minda. Selain itu, pengalaman juga didefinisikan sebagai penyertaan aktif dalam peristiwa atau aktiviti, yang membawa kepada pengumpulan pengetahuan atau kemahiran satu pengajaran yang diajar oleh pengalaman.

Menurut Rosni dan Siti Fatimah (2010), menyatakan bahawa kefahaman guru yang tinggi terhadap kriteria penilaian kerja kursus bergantung pada pengalaman guru dalam mengajar mata pelajaran. Kajian lepas mendapati guru-guru yang merasa kurang bersedia berdepan dengan masalah dalam pengajaran kerap menganggap diri mereka tidak berpengalaman dan tidak mendapat latihan yang mencukupi (Buell et al. 2012).

Kesimpulannya, pengalaman adalah suatu pengetahuan atau kemahiran yang diperoleh melalui suatu peristiwa atau siri peristiwa yang dilalui oleh seseorang individu atau sebuah kumpulan.

Dalam konteks kajian ini, pengalaman mengajar adalah kemahiran atau tempoh masa yang telah dilalui oleh guru dalam melaksanakan pengajaran dan pemudahcara terhadap murid bermasalah pembelajaran yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Bermasalah Pembelajaran dan pengalaman guru dalam melaksanakan KSSRPK Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dalam kajian ini adalah berbeza.





### 1.13 Rumusan

Penguasaan aktiviti atau pengalaman dalam aktiviti Jasmani Suaian adalah asas sebagai persediaan kepada golongan murid berkeperluan khas ini untuk mempelajari asas pergerakan. Selain itu, murid diajar dengan teknik yang betul, menggunakan pengetahuan dan aktiviti Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Jasmani Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dalam pengurusan kehidupan seharian secara berkesan dan meluaskan daya kreativiti dan inovasi dalam menjalankan sebarang aktiviti fizikal. Kesemua kemahiran-kemahiran berikut adalah amat penting dalam perkembangan kognitif murid berkeperluan khas. Pengetahuan guru dalam mencurahkan ilmu dan kemahiran dalam mendidik golongan ini akan membuka lebih peluang kepada golongan kurang upaya ini untuk menguasai kemahiran 3M seperti yang ditekankan oleh kurikulum persekolahan di Malaysia.

